



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	15/5/2017	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	NRE / JABATAN PERHUTANAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Dapatkan permit aktiviti riadah

PUTRAJAYA 14 Mei -

Semua pihak yang ingin melakukan sebarang aktiviti riadah atau sukan di hutan diingatkan supaya mendapatkan permit dan memaklukkannya kepada

pejabat hutan terlebih dahulu.



Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr.

Wan Junaidi Tuanku Jaafar (**gambar**) berkata, semua pihak sama ada penganjur mahupun orang perseorangan diharap dapat mengambil iktibar daripada insiden dua penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Puncak Alam yang maut dihempap pokok semalam.

“Semua pihak sama ada penganjur mahupun orang perseorangan diharap mengambil iktibar daripada insiden tersebut dengan mematuhi segala peraturan dan keperluan yang telah ditetapkan.

“Apa yang penting, segala peraturan keselamatan haruslah menjadi keutamaan dalam penganjuran sesuatu aktiviti,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Aktiviti perkhemahan sekumpulan 140 penuntut UiTM Kampus Puncak Alam di Air Terjun Lata Charok, Janda Baik, Bentong memahat sejarah hitam apabila dua daripada mereka maut manakala enam lagi cedera dihempap pokok semalam.

Sementara itu, Wan Junaidi berkata, Lata Charok atau Air Terjun Ulu Tampik yang terletak di Hutan Simpan Lentang tidak diwartakan sebagai kawasan Taman Eko Rimba.